



**KENYATAAN MEDIA  
BAHAGIAN HAL EHWAL UNDANG-UNDANG  
JABATAN PERDANA MENTERI**

---

**MADANI BEKERJA: PELUNCURAN *AI LEGAL JUSTICE ROADMAP*  
2025-2026 DAN PETA REFORMASI INSTITUSI (PetaRI)**

**Kuala Lumpur, 22 Mei 2025** – Seiring dengan hasrat Kerajaan MADANI bagi mendapatkan maklum balas konstruktif untuk penambahbaikan hala tuju reformasi institusi dan undang-undang di Malaysia, Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang, Jabatan Perdana Menteri (BHEUU, JPM) telah mengadakan satu Sesi *Town Hall* bersama YB Dato' Sri Azalina Othman Said, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-Undang dan Reformasi Institusi) bertempat di Auditorium Tun Mohamed Suffian, Fakulti Undang-Undang, Universiti Malaya. Majlis turut menyaksikan peluncuran *AI Legal Justice Roadmap 2025–2026 (Roadmap)* dan Laman Mikro Peta Reformasi Institusi (PetaRI).

Sesi *Town Hall* ini merupakan satu platform perkongsian dan interaksi efektif di antara pihak Kerajaan dan masyarakat umum khususnya komuniti akademik dan golongan mahasiswa undang-undang mengenai pencapaian terkini, inisiatif, dasar dan hala tuju Kerajaan MADANI dalam melaksanakan agenda reformasi institusi dan undang-undang bagi kesejahteraan rakyat dan manfaat negara.

Peluncuran *Roadmap* dan PetaRI menzahirkan komitmen Kerajaan MADANI dalam melaksanakan revolusi era digital dan seiring kecanggihan teknologi terkini. *Roadmap* ini merupakan pelan hala tuju awal untuk memacu pengadaptasian teknologi Kecerdasan Buatan (AI) ke dalam ekosistem perundangan dan kehakiman negara dengan

penglibatan tujuh (7) jabatan/agensi kerajaan iaitu BHEUU, JPM sebagai peneraju dengan kerjasama Pejabat Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan (PKPMP), Jabatan Bantuan Guaman (JBG), Jabatan Insolvensi Malaysia (Mdl), Akademi Perundangan Negara (APN), Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM) dan Pusat Timbang Tara Antarabangsa Asia (AIAC).

*Roadmap* ini turut merangkumi inisiatif-inisiatif yang akan dilaksanakan oleh sektor perundangan dan kehakiman berteraskan elemen-elemen penting seperti aspek kesedaran, latihan dan pembangunan bakat, kolaborasi strategik, infrastruktur data teknologi, pengurusan perubahan, penyelidikan dan pembangunan serta implementasi dan pemantauan. *Roadmap* ini juga mengambil kira Prinsip Etika AI yang telah digariskan oleh Jabatan Digital Negara untuk memastikan setiap sistem AI dikendalikan dengan penuh tanggungjawab, selari dengan nilai-nilai kemanusiaan, keselamatan dan hak asasi.

Sebagai salah satu cabang inisiatif *Roadmap*, PetaRI diwujudkan sebagai platform digital inovatif yang memaparkan status terkini inisiatif reformasi undang-undang dan institusi yang telah dan sedang giat dilaksanakan oleh BHEUU JPM. Laman mikro ini adalah manifestasi komitmen Kerajaan MADANI untuk memaklumkan kepada rakyat berhubung pelbagai usaha dan inisiatif yang telah diambil secara menyeluruh melalui platform digital. Melalui akses kepada maklumat reformasi secara terbuka, rakyat akan dapat memahami, memantau dan turut menyumbang cadangan dan penambahbaikan kepada pembangunan institusi yang lebih efektif. Laman ini boleh dilayari melalui pautan <https://petari.bheuu.gov.my>.

**BAHAGIAN HAL EHWAL UNDANG-UNDANG  
JABATAN PERDANA MENTERI  
22 MEI 2025**